

# Solat ghaib belum perlu - Majlis Fatwa

PUTRAJAYA 25 Mac - Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (Majlis Fatwa Kebangsaan) memutuskan bahawa tidak perlu solat jenazah ghaib terhadap mangsa nahas syarikat penerbangan Malaysia (MAS) MH370 yang beragama Islam.

Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abd. Shukur Husin berkata, perkara itu berikutan pihak yang mencari dan menyelamatkan belum menjumpai mayat dan cebisan mangsa nahas MH370.

"Oleh itu, jawatankuasa memutuskan, para penumpang dan anak kapal MH370 kini dikategorikan mafqud (anggapan orang hilang) sehingga usaha mencari dimuktamadkan.

"Muzakarah juga memutuskan pengesahan kematian hen-

daklah dibuat di Mahkamah Syariah bagi membolehkan pemansuhan perkahwinan, pembahagian harta faraid dan sebagainya dilakukan," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Othman Mustapha.

Abd. Shukur berkata, jika menjumpai mayat atau cebisan anggota badan, maka jenazah yang beragama Islam hendaklah diuruskan seperti biasa iaitu dimandikan, dikafankan, disolatkan dan dikebumikan.

Bagaimanapun, jelasnya, jika bercampur cebisan mayat atau gagal mengenal pasti sama ada ia Islam atau tidak, maka ia hen-

daklah dilakukan seperti jenazah orang Islam.

"Ketika solat dilakukan, niat wajib dikhususkan untuk orang Islam sahaja.

"Keadaan sama terpakai terhadap cebisan mayat mengelirukan atau bercampur," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, muzakarah berpendirian bahawa setiap jenazah beragama Islam bergelar sebagai syahid akhirat.

Syahid akhirat bermaksud orang dibunuh secara zalim, mati melahirkan anak termasuk orang yang mati tenggelam dan mereka mendapat pahala khusus daripada Allah.

"Amalan lain seperti berdoa dan solat hajat hendak diteruskan agar pasukan menyelamatkan berjaya menjumpai bangkai pesawat," ujarnya.